

Kempen Tahun Baru Cina 2026 Hong Leong Bancatakalul

Kemas kini terakhir pada 19 Disember 2025

TEMPOH KEMPEN

Kempen Tahun Baru Cina 2026 Hong Leong Bancatakalul ("**Kempen**") oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**" atau "**Bank**") bermula pada 3 Februari 2026 dan berakhir pada 3 Mac 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**"), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai bagi Kempen ini ("**T&S**").

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada individu ("**Pelanggan**") yang melanggan mana-mana produk Takaful berikut ("**Pelan Takaful**") yang diunderait oleh **Hong Leong MSIG Takaful Berhad** melalui mana-mana cawangan HLISB atau **Hong Leong Bank Berhad** ("**HLB**") semasa Tempoh Kempen:
 - (a) **HLM Takaful Amanah Saver**;
 - (b) **HLM Takaful Legacy / Legacy Plus**; dan/atau
 - (c) **HLM Takaful Secure 3 / 3 Plus**.
2. Pelanggan yang telah melakukan sebarang penipuan, perbuatan menyalahi undang-undang atau kesalahan berkaitan dengan Pelan Takaful dan/atau mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLISB/HLB atau telah diisytiharkan bankrap atau tertakluk pada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen atau telah melanggar mana-mana terma dan syarat yg terkandung dalam T&S ini adalah **TIDAK LAYAK** dan/atau akan dibatalkan kelayakan untuk menyertai Kempen ini dengan serta-merta.

MEKANISME DAN GANJARAN KEMPEN

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat di bawah:
 - (a) Pelanggan mestilah memohon mana-mana Pelan Takaful seperti yang dinyatakan dalam Klausa 1 di atas;
 - (b) Kekerapan pembayaran sumbangan bagi Pelan Takaful berkenaan adalah secara tahunan;
 - (c) Jumlah sumbangan tahunan minimum mestilah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000); dan
 - (d) Cadangan Takaful hendaklah dikemukakan, diluluskan dan dikeluarkan sijil oleh HLMT semasa Tempoh Kempen. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan adalah tidak dibenarkan untuk menggunakan hak tempoh bertenang (cooling-off). Butiran mengenai hak tempoh bertenang tersebut dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk dan/atau sijil Pelan Takaful masing-masing.
4. Pelanggan yang telah memenuhi **SEMUA** syarat di atas dirujuk sebagai ("**Pelanggan Layak**"). Pelanggan Layak berpeluang untuk menerima satu (1) Kad Hadiah Harvey Norman bernilai Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) ("**Ganjaran**"). Ganjaran tersebut akan diberikan atas dasar

siapa cepat dia dapat, terhad kepada dua puluh (20) langganan pertama yang berjaya ("**Pemenang**").

5. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen tamat sama ada melalui e-mel, telefon, notifikasi Tolakan Dalam Aplikasi (IAP) atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank ("**Makluman Pemenang**") atas dasar usaha terbaik berdasarkan butiran pelanggan terkini yang tertera dalam sistem Bank dan/atau rekod yang disimpan oleh HLMT.
6. Ganjaran tersebut akan diagihkan dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas tarikh Makluman Pemenang. Ganjaran tersebut tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan tunai, kredit atau barangan, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
7. Pemenang dikehendaki mengambil Ganjaran tersebut dari Harvey Norman atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung kos tersebut. Pemenang dikehendaki menyediakan MyKad dan menandatangani borang pelepasan untuk menuntut Ganjaran mereka dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Makluman Pemenang. Jika Pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menuntut Ganjaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Makluman Pemenang, pihak Bank berhak untuk melucutkan hak Ganjaran tersebut dan memilih Pemenang alternatif.
8. Pihak Bank tidak membuat sebarang representasi atau jaminan berkenaan kualiti atau kesesuaian Ganjaran tersebut. Sebarang pertikaian mengenai Ganjaran tersebut mestilah diselesaikan secara terus dengan Harvey Norman dan sebarang kos yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
9. Ganjaran yang tidak digunakan dalam tempoh sah yang dinyatakan pada Kad Hadiah akan dilucutkan hak, dan pihak Bank tidak akan menggantikan atau memberi pampasan kepada Pemenang.

UMUM

10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
 - (a) untuk membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini dan mana-mana terma dan syarat berkaitan lain yang mungkin ditetapkan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui paparan di laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("**Laman Web HLISB**");
 - (b) bahawa T&S ini tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan dan melalui paparan T&S terkini di Laman Web HLISB;
 - (c) bahawa keputusan HLISB bagi semua perkara berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan;
 - (d) untuk bertanggungjawab bagi memberikan butiran hubungan yang sah dan terkini kepada HLISB termasuk nombor telefon mudah alih dan alamat e-mel dan memaklumkan HLISB dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya HLISB tidak dapat menghubungi Pelanggan disebabkan oleh butiran hubungan yang tidak tepat/tidak sah yang diberikan oleh Pelanggan;
 - (e) untuk melayari Laman Web HLISB secara berkala bagi menyemak T&S Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini mengenai sebarang perubahan atau pindaan pada T&S; dan
 - (f) untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen."

11. HLISB berhak:
 - (a) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara HLISB melalui paparan di Laman Web HLISB, atau dalam apa jua cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan notis terdahulu;
 - (b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen kerana ketidakpatuhan terhadap T&S dengan memberi notis terlebih dahulu;
 - (c) untuk melucutkan hak dan/atau menuntut semula Ganjaran sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap T&S di sini oleh Pelanggan Layak;
 - (d) untuk menukar Ganjaran mengikut budi bicaranya dengan memberi notis di Laman Web HLISB dan adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak untuk menyemak kemas kini tersebut.
12. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, percanggahan, kekaburan dan/atau perbezaan antara T&S di sini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berkenaan dengan Kempen ini, T&S di Laman Web HLISB akan diguna pakai;
13. T&S ini dikawal selia oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tertakluk pada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
14. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan dalam bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya.

PENAFIAN TAKAFUL

Dokumen ini tidak bertujuan sebagai satu pelawaan atau tawaran bagi penyertaan Takaful dan ia juga tidak dianggap sebagai satu bentuk pujukan oleh HLISB untuk langganan Takaful oleh sesiapa pun. Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan brosur produk/kontrak sijil sebelum melanggan.

NOTA PENTING:

1. **INI ADALAH PRODUK TAKAFUL YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET DASAR, DAN BUKAN PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN MEMASTIKAN BAHAWA PELAN BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI SELERA RISIKO ANDA, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR SUMBANGAN SEPANJANG TEMPOH SIJIL. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBUAT SUMBANGAN TAMBAHAN SEBAGAI 'TAMBAH NILAI'. PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.**
2. Pelan di atas diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLMT). HLMT adalah Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
3. PERLINDUNGAN OLEH PIDM KE ATAS MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA BATASAN. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
4. Manfaat yang perlu dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM tertakluk kepada had-had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@HLB.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.